

e-Share Payment:

Frequently Asked Questions (FAQs)

STILL GETTING SHARE SALES PROCEEDS BY CHEQUE?

GET IT PAID QUICKLY AND DIRECTLY INTO YOUR BANK ACCOUNT.

MASIH MENERIMA KEUNTUNGAN PENJUALAN SAHAM MELALUI CEK?

DAPATKAN BAYARAN LEBIH CEPAT DAN TERUS KE DALAM AKAUN BANK ANDA.

您的股票款项仍以支票支付?

让它们快速直接存入您的银行账户。



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia



BURSA MALAYSIA

Soalan-soalan yang sering dikemukakan berkenaan Pembayaran Saham Elektronik (e-Share Payment)

1. Apakah Pembayaran Saham Elektronik?

Pembayaran Saham Elektronik merupakan kemudahan penjelasan elektronik yang disediakan oleh semua broker saham untuk tujuan:

- a) pembayaran bagi hasil penjualan saham dengan broker saham terus ke dalam akaun bank anda, dan / atau
- b) memberi anda pilihan untuk membuat bayaran melalui e-saluran (contohnya perbankan internet, perbankan mobile, ATM, dan lain lain) atau untuk memberi kuasa kepada bank di mana akaun bank anda diselenggarakan untuk membenarkan broker saham untuk mendebit akaun bank anda ("auto debit") bagi tujuan pembelian saham.

2. Broker saham manakah yang menyertai inisiatif Pembayaran Saham Elektronik?

Semua broker saham menyertai inisiatif ini.

3. Kenapa saya perlu melanggan kemudahan Pembayaran Saham Elektronik?

Untuk menikmati pelbagai manfaat yang disediakan oleh Pembayaran Saham Elektronik seperti berikut:

- a) Kemudahan penyelesaian secara elektronik (tidak perlu untuk mengambil dan mengeluarkan cek);
- b) Tidak lagi perlu pergi ke bank atau broker saham;
- c) Dana akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda pada hari yang sama (T+3); dan
- d) Insiden seperti salah letak, hilang atau tarikh cek telah luput boleh dielakkan.

4. Bagaimanakah cara saya melanggan kemudahan Pembayaran Saham Elektronik?

Anda dikehendaki melengkapkan borang yang telah ditetapkan dan menghantarnya bersama-sama dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan kepada broker saham anda. Seterusnya, broker saham anda akan mengesahkan maklumat dan tandatangan anda dan mengemaskini butiran-butiran pembayaran anda yang berkaitan ke dalam sistem mereka di bawah Pembayaran Saham Elektronik .

5. Apa dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan?

Ketika memberikan maklumat akaun bank anda untuk Pembayaran Saham Elektronik, sila kemukakan bersama:

- a) Salinan dokumen pengenalan seperti Kad Pengenalan, Paspot, Kad Kuasa atau lain-lain dokumen pengenalan diri yang boleh diterima (bagi pelabur individu).
- b) Salinan asal Sijil Pemerdagangan / Sijil Pendaftaran yang telah disahkan (untuk pelabur korporat).
- c) Salinan penyata bank anda / buku simpanan bank / maklumat akaun bank anda yang diperolehi dari laman web bank anda yang telah disahkan oleh bank anda / salinan surat dari bank anda yang mengesahkan butiran akaun bank anda.
- d) Dokumen-dokumen asal seperti di atas untuk pengesahan.

6. Akaun bank jenis apakah yang dibenarkan untuk menikmati Pembayaran Saham Elektronik?

Akaun simpanan atau semasa adalah dibenarkan. Namun, para pelabur hanya boleh menggunakan satu akaun bank untuk penyelesaian dagangan bagi setiap akaun dagangan yang diselenggarakan oleh sesebuah broker saham.

7. Apakah terdapat had pindahan untuk kemudahan Pembayaran Saham Elektronik?

Tiada had pindahan untuk kedua-dua proses mengkreditkan hasil jualan dan auto debit. Untuk membayar pembelian, had pindahan melalui e-saluran telah ditetapkan oleh setiap bank. Sila hubungi bank anda jika anda memerlukan had pindahan yang lebih tinggi.

8. Adakah broker saham akan mengenakan sebarang bayaran untuk menggunakan Pembayaran Saham Elektronik?

Tiada sebarang bayaran dikenakan oleh broker saham bagi penggunaan kemudahan Pembayaran Saham Elektronik. Kemudahan auto debit juga ditawarkan secara percuma, akan tetapi broker saham mungkin mengenakan denda sehingga RM10 jika transaksi tersebut gagal disebabkan dana yang tidak mencukupi di dalam akaun bank yang ditetapkan oleh anda.

9. Jika saya memerlukan maklumat lanjut berkaitan Pembayaran Saham Elektronik, siapakah yang harus saya hubungi?

Anda dinasihatkan untuk menghubungi broker saham anda.

DISCLAIMER

Whilst reasonable care has been taken to ensure that information contained in this FAQs are accurate, correct or obtained from sources believed to be reliable, the information herein is provided on an "as is" basis without any representations or warranties of any kind. In no event shall Bursa Malaysia or any of its subsidiaries or the Securities Commission or Bank Negara Malaysia be liable in respect of any claim arising out of or relating to these FAQs, including, but not limited to, any decision made or action taken by readers in reliance upon such content, or for damages suffered, whether direct, consequential, special, punitive, indirect or otherwise, notwithstanding having been advised of the possibility of such damages.

BURSA MALAYSIA BERHAD

15th Floor Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur
Malaysia
Customer Careline: +(603) 2732 0067
Fax : +(603) 2732 5258
Email: enquiries@bursamalaysia.com